



# جَبَاتَانِ خَالِ الْخَوَالِ الْكَامِلَاتِ لِمَنْ كَرِي قَدَحَ ذَارِ الْاَمَانَا

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

---

## ARAHAN PELAKSANAAN

AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU NEGERI KEDAH DARUL AMAN

KHAS BULAN RAMADAN

(KEMASKINI: 31 MAC 2021)

---

### 1. PENDAHULUAN

Arahan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau Negeri Kedah Darul Aman Khas Bulan Ramadan (Kemaskini: 31 Mac 2021) dikeluarkan sebagai panduan kepada semua institusi masjid dan surau, serta ahli kariah di dalam negeri Kedah Darul Aman. Oleh yang demikian, ia hendaklah dibaca bersama-sama dan dilaksanakan sebagai pelengkap dan justifikasi kepada:-

- 1.1. Kebenaran Pengimarahannya Masjid dan Surau di Seluruh Negeri Kedah Darul Aman, rujukan (40) dlm. JMKN(F)602 Jld. 26 dan AGAMA (K) 144 (06), dan;
- 1.2. Laporan Pematuhan Arahan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Di Masjid dan Surau yang baik dan tinggi.
- 1.3. Kadar kes aktif COVID-19 yang agak terkawal di negeri Kedah Darul Aman.

### 2. ARAHAN

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK) memohon semua institusi masjid dan surau, serta ahli kariah di negeri Kedah Darul Aman mematuhi Arahan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan di Masjid dan Surau Negeri Kedah Darul Aman (Kemaskini: 31 Mac 2021).

### 3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan aktiviti keagamaan ini adalah melibatkan semua masjid dan surau negeri Kedah Darul Aman.

### 4. KETETAPAN BAGI BULAN RAMADHAN

Bagi meraikan kemuliaan bulan Ramadhan, arahan pelaksanaan aktiviti keagamaan ditetapkan seperti berikut:

- 4.1. Solat Tarawih selepas solat Isyak **DIBENARKAN** mengikut kapasiti keseluruhan masjid dan surau dengan mematuhi protokol kesihatan dan penjarakan fizikal minimum 1 meter.
- 4.2. Program Tadarus Al-Quran **DIBENARKAN** dengan penjarakan fizikal minimum 1 meter.
- 4.3. Program Qiamullail di masjid dan surau **DIBENARKAN** dengan aktiviti terhad kepada ibadah solat sunat, membaca al-Quran dan zikir sahaja. Tidur di premis masjid dan surau **TIDAK DIBENARKAN**.
- 4.4. Jamuan berbuka puasa, moreh dan sahur di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal, dan jamuan hanya dibenarkan dalam bentuk '*Buffet*' sahaja, serta dihidangkan di ruangan khas jamuan dengan mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Namun begitu, makanan yang siap di bungkus amat digalakkan.
- 4.5. Bagi hidangan '*Buffet*' tersebut, pihak masjid dan surau hendaklah menyediakan **petugas khas** bagi mencedok nasi, lauk pauk, menyediakan minuman dan sebagainya sebagai satu langkah untuk mengekang penularan wabak Covid-19.
- 4.6. Aktiviti memasak juadah berbuka, moreh dan sahur di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan penglibatan **tidak melebihi 10 orang petugas** sahaja di lokasi penyediaan makanan pada satu-satu masa, serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) khususnya berkaitan penyediaan makanan.

5. **ARAHAN KHAS**

Pihak berkuasa berhak menentukan larangan yang lebih ketat terhadap mana-mana masjid dan surau di kawasan **zon merah** dari semasa ke semasa dalam memastikan pengekangan penularan wabak Covid-19, selaras dengan slogan Kerajaan **“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi Covid-19”**

6. **PELANGGARAN**

Mana-mana masjid atau surau yang melanggar dan tidak mematuhi arahan ini, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta. Sekiranya berlaku sebarang kekeliruan berhubung pelaksanaan arahan ini, keputusan Pegawai Agama Daerah adalah muktamad.

7. **KUATKUASA**

Arahan ini adalah **berkuatkuasa bermula 1 Ramadan 1442H** sehingga arahan rasmi terkini dikeluarkan dari semasa ke semasa. Melalui arahan ini, sebarang perbezaan dan percanggahan dalam arahan terdahulu adalah terbatal.

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Kedah Darul Aman

**31 Mac 2021**